

Sebahagian peserta ekspedisi bersama-sama Prof Musa (belakang tiga dari kanan) mengibarkan bendera USIM di puncak Gunung Kinabalu.



Takluk puncak Gunung Kinabalu

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Tarikh 23 Januari mencipta sejarah dan kenangan terindah buat 21 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu yang ketinggiannya mencecah 4,095 meter dari aras laut.

Mereka terdiri daripada peserta program khas USIM, Young Muslim Leaders of the Future (YMLF) yang diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor.

Lebih manis apabila pengalaman kali pertama sampai ke puncak gunung tertinggi Asia dan disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia ini turut disertai Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Mu-

sa Ahmad dan beberapa pegawai universiti.

Peserta program, Muhamad Amirul Razali, berkata terdapat dua fasa pendakian iaitu dari titik permulaan ke Laban Rata sejauh 6 km dan dari Laban Rata ke puncak Gunung Kinabalu sejauh 2.7 km.

“Selain cuaca dingin dan laluan curam, pendakian kami kali ini sangat mencabar kerana jalan menjadi licin akibat hujan lebat.

“Bagaimanapun, terdapat banyak pondok rehat disediakan untuk berehat sepanjang pendakian justeru mudah untuk kami melepaskan lelah sebelum menyambung perjalanan.

“Sepanjang pendakian, mata disajikan dengan pemandangan indah alam semula jadi dan kepelbagaian flora menjadikan kami semakin insaf serta mengagumi kebesaran Allah SWT,” kata pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang itu.



Seorang peserta ekspedisi bersedia untuk mendaki turun.



Muhamad Amirul bergambar kenangan di puncak Gunung Kinabalu.

Latihan intensif

Sebulan sebelum ekspedisi, peserta melakukan latihan intensif sama ada secara persendirian ataupun berkumpul. Antara bentuk latihan ialah larian sekitar kampus, larian secara balapan, berbasikal dan mendaki bukit.

Peserta ekspedisi terbang ke Sabah pada 20 Januari dan hari pertama diisi dengan aktiviti santai seperti melawat Kolam Air Panas Poring serta Fish Massage Tagal Sungai Moroli.

Misi pendakian bermula pada hari kedua dan mereka bertolak sekitar jam 8 pagi menuju ke Taman Kinabalu. Setibanya di sana, peserta diberi taklimat sebelum pendakian dimulakan sekitar jam 10 pagi sambil diiringi beberapa pemandu gunung.

Sekitar jam 7.30 malam, peserta selamat tiba di Laban Rata. Kedinginan tanah tinggi semakin terasa di samping keterujaan untuk menyapa awan Kinabalu makin melonjak. Pendakian fasa dua dimulakan pada jam 3.30 pagi dan tiba di puncak pada jam 6.30 pagi.

Azan dilaungkan tanda kejayaan sebaik kumpulan pertama berjaya menawan puncak gunung Kinabalu. Sebaik semua peserta tiba, mereka menyanyikan lagu USIM Terus Maju, mengibar bendera universiti dan sesi fotografi sebagai tanda kenang-kenangan.

“SEPANJANG PENDAKIAN, MATA DISAJIKAN DENGAN PEMANDANGAN INDAH ALAM SEMULA JADI DAN KEPELBA-GAIAN FLORA MENJADIKAN KAMI SEMAKIN INSAF SERTA MENGAGUMI KEBESARAN ALLAH SWT”

Muhamad Amirul Razali, Peserta program



Peserta membuat formasi tanda kegembiraan kerana berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu.